



PASTI ENAK: Abu Bakar mencuba coklat berasaskan kelapa sawit ketika melawat Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi di UPM, Serdang, semalam.

# UPM sasar jadi universiti terbilang

Oleh Zabidi Hitam

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) meletak sasaran nisbah 1:1 antara pelajar sarjana muda dan pasca siswazah dalam tempoh 10 tahun lagi, sekali gus menjadikan universiti terbilang di dunia.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) universiti itu, Prof Dr Abu Bakar Salleh, berkata nisbah kini 2:1 dengan 23,000 pelajar sarjana muda, manakala 7,000 pasca siswazah.

Beliau berkata, sasaran itu pasti tercapai berikutan pelbagai langkah diambil pihak pengurusan universiti termasuk menyediakan geran biasiswa bagi pelajar yang ingin melanjutkan penyelidikan.

“Dengan pengiktirafan dan penca-

paian memberangsangkan, UPM akan menjadi pemangkin dalam melahirkan graduan yang sentiasa mencambah inovasi untuk kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara,” katanya selepas majlis perasmian Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi di Serdang, semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (TNC) (Akademik dan Antarabangsa), Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusof; TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof Dr Tai Shzee Yew dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Prof Dr Zulkifli Idrus.

Pameran dua hari bertemakan *Penyelidikan Cemerlang Mencetus Inovasi* disertai 848 produk membabitkan sains sosial 308 penyertaan; sains, teknologi dan kejuruteraan

## FAKTA NOMBOR

Geran penyelidikan UPM

**RM126j**

Jumlah keseluruhan

**RM8j**

Sumbangan swasta

**RM1.6j**

Sumbangan antarabangsa

(254), kesihatan (96), perhutanan dan alam sekitar (86), pertanian (72) dan makanan (34).

Terdahulu dalam ucapannya, Abu Bakar menjelaskan UPM masih menerima geran penyelidikan tertinggi iaitu RM126 juta termasuk daripada pihak swasta sebanyak RM8 juta dan antarabangsa RM1.6 juta.

Selain mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan menerusi kerjasama pintar dengan institusi pengajian tinggi lain, UPM juga memeterai 11 memorandum persefahaman dengan industri selain empat projek dalam perbincangan.

“Saya berharap pameran ini dapat menyuntik semangat dan mencetuskan rangsangan serta idea khususnya penyelidik muda membabitkan diri dalam bidang penyelidikan,” katanya.